

MAHATHIR-SAINS

1982

KUALA LUMPUR, 6 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGARISKAN ASAS DASAR SAINS NEGARA YANG BERTUJUAN MENDEDAHKAN RAKYAT DENGAN PENGETAHUAN SAINS DAN PERANANNYA DALAM KEHIDUPAN MEREKA.

"KITA TIDAK MAHU RAKYAT DI NEGARA INI TERCENGANG DENGAN KEMAMPUAN ORANG LAIN KERANA MEREKA TIDAK FAHAM BAGAIMANA ORANG ASING MENGGUNAKAN SAINS UNTUK MEMBUAT ITU DAN INI.

"TIDAK ADA SESUATU YANG LEBIH MELEMAHKAN SEMANGAT DARI KURANGNYA PENGETAHUAN. KITA TIDAK MAHU RAKYAT MALAYSIA LEMAH SEMANGAT SEHINGGA MUDAH DITAWAN JIWA MEREKA," KATANYA KETIKA MERASMIKAN PAMERAN SAINS 1982 DAN MELANCARKAN PENUBUHAN TABUNG PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN SAINS NEGARA DI SINI.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAHAWA KERAJAAN BERCADANG MEMPERKENAL -KAN SAINS DALAM BENTUK YANG MUDAH DIFAHAMI OLEH SEMUA ORANG.

MENURUTNYA SEBUAH SYARIKAT JEPUN, MATSUHITA, TELAH BERSETUJU MENGADAKAN PAMERAN MODEL-MODEL YANG MENERANGKAN BEBERAPA ASAS DAN CARA-CARA ALAT REKAAN MANUSIA YANG MENGGUNAKAN ASAS-ASAS SAINS TERUTAMA DI BIDANG ELEKTRONIK. -- BERSAMBUNG 1744/LK

0000-

MAHATHIR-SAINS 2 KUALA LUMPUR

MODEL-MODEL ITU AKAN DIPAMERKAN DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA DI SINI DAN AKAN DITUKAR DAN DIPERBAHARUI BILA ALAT-ALAT YANG LEBIH MODEN DICIPTA, KATANYA.

MELALUI PAMERAN ITU, BELIAU BERHARAP SAINS TIDAK LAGI MENJADI SATU MISTERI ATAU ILMU AJAIB TETAPI SEBALIKNYA DIKENAL DAN DIFAHAMI OLEH SEMUA.

DI SAMPING ITU, INSTITUSI-INSTITUSI YANG MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA SAINS, TEKNOLOGI DAN PENYELIDIKAN AKAN MENDEDAHKAN SAINS SECARA MENYELURUH.

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN TV MALAYSIA MENAYANGKAN SIRI-SIRI SAINS, SEMUANYA MERUPAKAN BUATAN LUAR NEGERI YANG MENIMBULKAN PERASAAN TERASING DAN KEAJAIBAN.

BELIAU MENGARAHKAN SUPAYA PROGRAM SEUMPAMA ITU DIPERKENALKAN DENGAN MENGGUNAKAN PERISTIWA DAN CONTOH YANG TERDAPAT DI NEGARA INI SENDIRI. -- BERSAMBUNG 1753/LK

MAHATHIR-SAINS 3 KUALA LUMPUR

SEBAGAI CONTOH BELIAU MENYEBUT BAHAWA DALAM MEMPERKENALKAN PROGRAM BERCUCUK TANAM, HENDAKLAH DIGAMBARKAN BAGAIMANA POKOK-POKOK TUMBUH DARI BENIH HINGGA KE PERINGKAT MENGELUAR HASIL, PERANAN SERANGGA DALAM TUMBUH-TUMBUHAN ATAU BAGAIMANA TERNAKAN IKAN DIASASKAN KEPADA SAINS SERTA SERIBU SATU PERISTIWA LAGI.

"TIDAK MENJADI SALAH JIKA PAKAR-PAKAR DARI LUAR NEGERI DIGUNAKAN BUAT PERMULAAN SEHINGGA KITA MEMILIKI KECEKAPAN MENGELUARKAN GAMBAR-GAMBAR ITU," KATA BELIAU.

DI SAMPING ITU, SEMUA PERPUSTAKAAN HENDAKLAH DILENGKAPKAN DENGAN BUKU-BUKU SAINS YANG MUDAH DIFAHAM YANG MENGGUNAKAN GAMBAR-GAMBAR SEBAGAI CARA MENJELASKAN PROSES SAINS YANG BERJALAN, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN BAHAWA TUMPUAN HENDAKLAH DIBERI BUKAN SAHAJA KEPADA KANAK-KANAK SEKOLAH TETAPI JUGA KEPADA ORANG DEWASA, TERUTAMA KAUM TANI YANG PERLU MEMAHAMI PROSES TUMBUH-TUMBUHAN YANG MENJADI SUMBER SARAN MEREKA.

"SAINS SEBAGAI ILMU BUKAN UNTUK AHLI SAINS SAHAJA SEBALIKNYA SAINS DI ZAMAN INI ADALAH UNTUK ORANGRAMAI.

"OLEH ITU ADALAH PENTING ORANGRAMAI MENGENALI SAINS DAN MENGETAHUI PERANANNYA DALAM KEHIDUPAN MEREKA," TAMBAHNYA. -- BERSAMBUNG 1811/LK

MAHATHIR-SAINS 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP KAJIAN NEBANGSAAN BAGI KEMAJUAN SAINS DAN PENYELIDIKAN YANG DITUBUHKAN ITU AKAN MEMPERKEMASKAN LAGI ASPEK-ASPEK DASAR TERSEBUT BAGI MENDOLONGKAN KEMAJUAN SAINS DAN PENYELIDIKAN BERKEMBANG MENGIKUT KEHENDAK NEGARA.

"PERSEIMBANGAN HENDAKLAH DIBERI KEPADA ASPEK-ASPEK ASAS DAN GUNAAN DAN KEPADA SAINS MUTLAK SERTA SAINS KEHABYARAKATAN," KATANYA.

TINDAKAN HENDAKLAH JUGA DIAMBIL SUPAYA KEMAJUAN SAINS DAN PENYELIDIKAN AKAN MEMBERI HASIL YANG OPTIMA KERANA MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA KECIL DENGAN KEMAMPUAN KEWANGAN YANG TERHAD, HARUS MEMASTIKAN SETIAP TINDAKANNYA TIDAK MENIMBULKAN PERBAZIRAN DAN PERTINDIHAN.

BELIAU MENGARAHKAN INSTITUSI-INSTITUSI PENYELIDIKAN TERMASUK INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI YANG MEMPUNYAI FUNGI PENYELIDIKAN SUPAYA MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA PENYELARAHAN DAN MUTU PENYELIDIKAN DI SAMPING MENGAMBIL DAYAUSAHA UNTUK MENINGKATKAN KEMAMPUAN PENYELIDIKAN AHLI-AHLI SAINS DAN PARA PENYELIDIK TEMPATAN. -- BERSAMBUNG 1821/LK

MAHATHIR-SAINS 5 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENSIFATKAN PELANCARAN TABUNG TERSEBUT SEBAGAI -  
DETIK-DETIK PENTING DALAM KONTEKS PERIMBANGAN PEMBANGUNAN DI NEGARA  
INI.

INI BUKAN KERANA SAINS MEMBUKTIKAN PENCAPAIAN NEGARA DI DALAM  
PEMBANGUNAN ATAU MELETAKKAN NEGARA INI DALAM KUMPULAN NEGARA-NEGARA  
MAJU TETAPI KERANA SAINS IALAH SATU ILMU YANG MEMPERKENALKAN SEGALA  
ISI KANDUNGAN DAN SUSUNAN ALAM CIPTAAN TUHAN.

HANYA ORANG ANGUH MEMPERKENALKAN SAINS SEBAGAI ILMU YANG SEOLAH-  
OLAH TIDAK ADA KAITAN DENGAN TUHAN DAN SUSUNAN GERAK GERI  
DIKENALKAN SEBAGAI UNDANG-UNDANG SAINTIFIK YANG TERASING DARI  
HUKUM-HUKUM ALLAH.

"SAYA MEMPERINGATI HAKIKAT INI SUPAYA  
SEKURANG-KURANGNYA KITA DI MALAYSIA TIDAK LUPA DARAYAN," TEGASNYA.

SEPERTI ILMU PENGETAHUAN, SAINS JUGA BOLEH DIGUNAKAN UNTUK  
KEBAIKAN DAN KEJAHATAN TETAPI MENGHAPUSKAN SAINS UNTUK MENGELAKKAN  
KEJAHATAN BUKANLAH CARANYA KERANA KEJAHATAN BOLEH BERLAKU TANPA  
SAINS, KATA BELIAU. -- BERSEKUTU 1905/54

MAHATHIR-SAINS 6 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA KERAJAAN MENGGALAK PELAJARAN SAINS DAN PENYELIDIKAN DI BIDANG SAINS KERANA INGIN MENGGUNAKAN SAINS UNTUK KEBAIKAN DAN UNTUK MELINDUNGI DIRI DARI DITINDAS DAN DIHINA OLEH ORANG LAIN.

''AKAN BERSALAHLAH KITA JIKA KERANA SALAH FAHAM TENTANG SAINS DAN TEKNOLOGI, KITA MENOLAKNYA,'' KATA BELIAU.

SAINS BUKAN CIPTAAN DAN HAK ORANG BARAT SEBALIKNYA MERUPAKAN SUSULAN DARI ILMU-ILMU KAJIAN ALAM SEKELILING YANG TELAH DISUSUN CARANYA SUPAYA PERASAAN DAN KHAYALAN MANUSIA TIDAK MEMPENGARUHI KAJIAN KEBENARAN SUSUNAN DAN HUKUM-HUKUM YANG DITENTUKAN OLEH TUHAN.

''OLEH ITU TUMPUKANLAH KEPADA ILMU INI TANPA MELUPAKAN IBADAT YANG LAIN. SERUAN INI BUKAN SAHAJA KEPADA ORANG-ORANG ISLAM TETAPI KEPADA SEMUA KHUSUSNYA CERDIK PANDAI.''

BELIAU MENEGASKAN APA YANG DICAPAI OLEH SAINS SETAKAT INI BUKAN SEBAHAGIAN KECIL DARIPADA GEDUNG ILMU PENGETAHUAN DAN YANG BUKAN BENCANA TERHADAP KEMAJUAN DI SEMUA